

PARLIMEN

PERBAHASAN SOKONGAN BANTUAN BAGI FASA DUA (KEWASPADAAN DIPERTINGKAT)

Pemerintah sedia beri sokongan tambahan jika berlaku 'kegenjotan'

Dari Muka 1

Pemerintah bersedia membantu termasuk melaksanakan satu lagi pakej bantuan sekiranya berlaku hambatan atau kegenjotan dalam menangani Covid-19, kata Menteri Kewangan, Encik Lawrence Wong.

Mengutang perbahasan semalam, beliau berkata:

"Jika ini berlaku (kegenjotan), kita harus memperkenalkan sekatan tambahan dan pada tahap itu, kita mungkin harus melaksanakan satu lagi pakej untuk menyokong perniagaan."

"Sekiranya kita harus melakukan itu, kita harus mencari cara menyediakan pakej sedemikian. Tetapi sebagai mana yang ditarik perhatian oleh Encik Liang Eng Hwa (SMC Bukit Panjang), ia semakin sukar untuk mendapatkan pendanaan seterusnya."

Menjelaskan lebih lanjut, Encik Wong berkata usaha mencari dana bukanlah mudah, memandangkan dalam pusingan bantuan kali ini sahaja, agensi perlu menyemak semua projek pembangunan mereka ekoran peningkatan Covid-19.

Justeru, jika sokongan tambahan diperlukan dalam tahun fiskal ini, perbelanjaan pemerintah akan diperketakatkan, jelasnya lagi.

"Kita mungkin perlu mengetatkan perbelanjaan pemerintah dalam sudut operasi dan pembangunan untuk memperolehi sumber bagi memenuhi keperluan ini."

"Dan jika kita dalam keadaan yang serius dan terdesak, seperti yang saya katakan sebelum ini, kita tidak keberatan menggunakan rizab dan akan bertemu Presiden untuk mendapatkan sokongan beliau."

Dalam melakarkan bantuan untuk perniagaan dan pekerja, Encik Wong berkata permerintah mengambil kira langkah kukuh sedaya ada yang diperkenalkan dalam belanjawan sebelum ini. Ini termasuk sokongan dalam sektor seperti sukan dan kesenian.

Beberapa AP seperti Encik Sharael Taha (GRC Pasir Ris-Punggol) dan Cik Raeesah Khan (GRC Sengkang) menarik perhatian mengenai kesan pandemik terhadap pekerja bebas dalam sektor sukan dan kesenian.

Encik Sharael dalam hujahnya juga menggariskan tentang perlunya mempersiapkan mereka yang bekerja dalam peranan yang diwujudkan semasa pandemik.

"Pekerjaan seperti penolong swab dan duta keselamatan mungkin tidak diperlukan lagi apabila kita berlalu ke keadaan lebih normal. Kita perlu membantu pekerja itu untuk menghadapi peralihan ini bagi mengelak mereka daripada menganggur," gesanya.

Dalam hal ini, Encik Wong faham tentang keprihatinan dan kebimbangan mereka dalam pekerjaan sementara.

"Kami sedang memantau hal ini dengan teliti bagi memastikan mereka yang dalam pekerjaan sementara akan ditempatkan dalam peranan tetap," katanya.

Satu bantuan ketara yang disediakan, ialah Insentif Bantuan Pekerjaan (JGI), jelas Encik Wong, yang telah menyokong majikan meluaskan pekerja tempatan.

"Skim ini akan berlangsung sehingga September dan kami sedang menyemak untuk melanjutkannya," tambah beliau.

Sementara itu, Encik Wong menjelaskan projek pembangunan ditunda tahun ini adalah kerana faktor kekurangan tenaga kerja rizab dan akan bertemu Presiden untuk mendapatkan sokongan beliau."


Dalam melakarkan bantuan untuk perniagaan dan pekerja, Encik Wong berkata permerintah mengambil kira langkah kukuh sedaya ada yang diperkenalkan dalam belanjawan sebelum ini. Ini termasuk sokongan dalam sektor seperti sukan dan kesenian.

Permerintah mengambil kira langkah kukuh sedaya ada yang diperkenalkan dalam belanjawan sebelum ini. Ini termasuk sokongan dalam sektor seperti sukan dan kesenian.



"Jika ini berlaku (kegenjotan), kita harus memperkenalkan sekatan tambahan dan pada tahap itu, kita mungkin harus melaksanakan satu lagi pakej untuk menyokong perniagaan. Sekiranya kita harus melakukan itu, kita harus mencari cara menyediakan pakej sedemikian. Tetapi sebagai mana yang ditarik perhatian oleh Encik Liang Eng Hwa (SMC Bukit Panjang), ia semakin sukar untuk mendapatkan pendanaan seterusnya."

- Menteri Kewangan, Encik Lawrence Wong.



SEDIA BANTUAN:
Permerintah bersedia membantu termasuk melaksanakan satu lagi pakej bantuan sekiranya berlaku hambatan atau kegenjotan dalam menangani Covid-19. - Foto fail

mengapa pemerintah memperuntuk semula perbelanjaan pembangunan daripada belanjawan yang tidak dimanfaatkan sepenuhnya dan tidak mempercepatkan perbelanjaan supaya projek dapat diselesaikan mengikut jadual asal – dengan lebih banyak peminjaman di bawah Akta Pinjaman Pemerintah Bagi Prasarana Penting (Singa).

"Adalah mustahil untuk melakukan projek-projek ini pada tahun ini, bukan kerana isu kewangan...atau kita boleh meminjam

dan kemudian melakukan projek ini. Ia kerana firma-firma tidak mempunyai pekerja dan kita tidak mahu tergesa-gesa membawa masuk pekerja dan akhirnya, berlaku penulangan besar-besaran lagi."

"Kita harus melakukan ini secara selamat dan terkawal," jelas Encik Wong.

Dalam ucapannya, Encik Wong berkata selain daripada menangani cabaran segera, kita harus bersedia untuk fasa seterusnya dalam dunia pos pandemik yang akan jauh

berbeza.

Beliau turut menekankan pentingnya untuk Singapura meneruskan usaha transformasi dalam memastikan ekonomi yang terus kukuh dan cergas.

"Jadi fokus sokongan pada masa mendatang akan beralih daripada menyediakan kelebihan daripada cabaran sekarang, kepada membina keupayaan untuk syarikat berinovasi dan berubah," tambah Encik Wong.



"Kita harus lakukan lebih banyak untuk hargai pekerja perkhidmatan penting bergaji rendah dan pekerja asing kerana mereka yang terus bekerja keras semasa pandemik ini untuk memastikan Singapura terus berkembang. Kita harus memberi mereka lebih daripada sekadar kata-kata terima kasih dan berusaha mencapai cara yang ketara untuk tingkatkan gaji, kebajikan, dan prospek kerja mereka"

- Encik Mohd Fahmi Aliam (GRC Marine Parade)



"Sedang kita terus uruskan Covid-19 sebagai sebuah masyarakat, kita harus secara asasnya mengutamakan iklim dan kemampuan agar ia dibina dengan lebih baik, pelan pemulihian Covid-19 yang terbaik juga akan tangani perubahan iklim. Justeru saya gembira mendengar menteri mengesahkan semula komitmen untuk melibur dalam masa depan yang menghijau dan mampu walaupun langkah sokongan diteruskan dalam Fasa Dua (Kewaspadaan Dipertingkatkan)."

- Cik Mariam Jaafar (GRC Sembawang)



"Saya berharap lebih banyak perbincangan mengenai kesihatan mental diadakan dalam kalangan pelajar, topik yang ditimbulkan Presiden baru-baru ini ekoran tragedi di Sekolah Tinggi River Valley. Mungkin kita perlu meneliti semula cara kita mendekati kesihatan mental di institusi pendidikan, menerapkan kegiatan untuk menangani kesan Covid-19... Saya berharap selain daripada dasar yang disenaraikan Menteri Pendidikan, lebih banyak pilihan dasar diterokai bagi memperbaiki prasarana kesihatan mental kita."

- Cik Raeesah Khan (GRC Sengkang).



"Kita harus cari lebih banyak cara dekat bukan sahaja warga tua tetapi setiap lapisan masyarakat untuk menggalakkan mereka agar dapatkan vaksinasi. Dengan lebih ramai orang divaksin, kita akan lebih yakin untuk membuka semula ekonomi dan ini membolehkan lebih banyak kebebasan untuk berkumpul bersama keluarga dan rakan-rakan, melancang untuk perniagaan dan riadah, dan mengambil bahagian dalam kegiatan agama bersama-sama."

- Encik Sharael Taha (GRC Pasir Ris-Punggol)

Galas tugas pastikan ujian PCR tepat demi bendung wabak Covid-19

NUR FATHIN AWALLUDIN
nfathin@sph.com

MESKIPUN telah berbulan-bulan 'berdepan' dengan koronavirus Covid-19, Cik Siti Zulaina Md Said tidak pernah terfikir berputus asa.

Malah, ahli teknologi perubatan kanan yang berkhidmat dengan Makmal Keshatasan Awam Nasional (NPHL), Pusat Nasional Penyakit Berjangkit (NCID) itu sedar beliau harus terus berjuang.

"Kami sentiasa berusaha untuk memberikan yang terbaik kerana kami mengetahui betapa pentingnya keputusan yang tepat pada masanya dan tepat dalam pengurusan wabak di Singapura," katanya.

Cik Zulaina mengetui pasukan yang melakukan ujian reaksi rantai polimerase (PCR) Covid-19 bagi mengesan virus tersebut di NPHL.

Mereka mendiagnosis dan mengesahkan jangkitan Covid-19, dan menyokong siasatan wabak serta pengawasan pada populasi sasaran.

Baru-baru ini, usaha Cik Zulaina sebagai pegawai barisan hadapan itu diiktiraf Menteri Kewangan Lawrence Wong yang telah memuji beliau dalam kenyataan kementeriannya di parliment.

Cik Zulaina juga merupakan pengurus bersama pasukan bertindak berbilang kementerian (MTF) bagi Covid-19.

Namun, Cik Zulaina mengatai keletihan itu kerana beliau "tahu kepentingan sumbang kami kepada negara dalam memastikan semua orang, terutama kenalan rapat, selamat".

Sokongan yang tidak per-

nah putus daripada anggota keluarga, rakan dan rakan setugasnya juga banyak membantu.

"Saya juga menyibukkan diri dengan hobbi-hobi saya."

"Baru-baru ini saya suka menjaga tanaman, cuba membakar kuih dan juga mengambil gambar pada hari-hari rehat untuk kembali berterengah dan memastikan kesejahteraan mental saya terjaga," tambahnya.

Ditanya perasaannya apabila keadaan Covid-19 tiba-tiba memburuk baru-baru ini setelah sekian lama beliau berusaha bertengkus-lulus menjalankan tanggungjawabnya, Cik Zulaina berkata:

"Saya sebenarnya tidak sabar bagi keadaan kembali normal dan dapat menghadiri per-

jumpaan dengan keluarga, saudara dan rakan-rakan; bertugas pada waktu kerja yang normal dan melakukan tugas makmal yang tiada kaitan dengan Covid-19 yang saya terlibat sebelum pandemik ini."

"Namun, saya yakin ada kebaikan di akhir semua ini dan dengan kerjasama semua orang, kita akan mencapainya."

"Dalam pada itu, saya bertekad untuk memikul tanggungjawab dengan sebaik mungkin," tambah beliau, positif.

Kelman, Encik Wong memuji Cik Zulaina dan pegawai barisan hadapan lain seperti yang dengan berkata:

"Terdapat ramai lagi...wira-wira yang tidak kami kenali yang secara senyap dan tegar menyumbang kepada perjuangan kita melawan Covid-19."

"Tindakan warga-warga Singapura ini memberi inspirasi kepada kita, dan memberi kita keyakinan dan harapan agar kita dapat mengharungi (pandemik ini) bersama-sama."



JALANKAN TANGGUNGJAWAB WALAU PENAT: Cik Siti Zulaina Md Said bertekad memikul tanggungjawabnya dengan sebaik mungkin sebagai ketua pasukan yang melakukan ujian reaksi rantai polimerase (PCR) Covid-19 bagi mengesan virus tersebut. - Foto NCID